

16 JUL 2002

SRI LANKA SAMPAIKAN JEMPUTAN KEPADA DR MAHATHIR

Oleh: Feizal Samath

COLOMBO, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput melawat Sri Lanka yang menaruh harapan besar pada proses keamanan untuk membangunkan semula ekonominya yang terjejas teruk kerana perang saudara di negara itu, kata laporan berita.

Jemputan itu disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Kabir Hasheem dan Menteri Latihan Senerath Kapukotowa yang juga setiausaha agung United National Party (UNP), semasa kedua-dua mereka bertemu Dr Mahathir di Kuala Lumpur bulan lepas.

Mereka mewakili UNP di perhimpunan agung Umno akhir bulan lepas. Kedua-dua Menteri itu juga diberi jaminan bantuan bagi Sri Lanka dalam pendidikan teknikal semasa mereka menemui rakan sejawatan masing-masing di Malaysia.

Satu pasukan pakar dari Malaysia akan ke Sri Lanka dalam hal ini, menurut laporan.

Hasheem menyatakan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana sumbangan Malaysia dalam pembinaan lebuh raya di Sri Lanka.

-- BERNAMA

FS ZS PR